

16/11/2000

Globalisasi: AS, China berbeza pendapat

Azizi Othman; Lichong Angkui in Bandar Seri Begawan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu - Presiden Bill Clinton berkata, kejayaan sesebuah negara dalam era globalisasi bukan bergantung kepada kelebihan yang dimilikinya, tetapi bagaimana ia memanfaatkan kelebihan itu.

Katanya, kebanyakan negara yang berjaya bukanlah mereka yang mempunyai pelbagai kelebihan, sebaliknya mereka yang tahu mempergunakan sepenuhnya kelebihan yang dimiliki itu.

Bagaimanapun, Presiden China, Jiang Zemin pula berpendapat globalisasi ekonomi dunia perlu menjurus ke arah penyatuan negara maju dan sedang membangun bagi mewujudkan kestabilan yang membawa kemakmuran bersama.

Sehubungan itu, beliau berharap semua aspek berkaitan proses globalisasi ekonomi dunia perlu dikaji semula, sambil memperkukuhkan sistem pelaksanaan dan pengurusan yang memanfaatkan.

Kedua-dua pemimpin berkenaan berkata demikian pada sidang kemuncak Ketua Eksekutif Majlis Penasihat Perniagaan Apec (Abac), di sini hari ini. Sambil memberi contoh Myanmar, Clinton berkata, satu masa dulu kebanyakan pakar ekonomi meramalkan negara itu akan menjadi antara negara paling berjaya di rantau ini.

"Ini kerana, 50 tahun lalu ketika kebanyakan negara di rantau ini masih amat miskin, Burma (Myanmar) dilihat sebagai ekonomi yang mempunyai sumber manusia dan asli yang kaya.

"Bagaimanapun, negara yang berjaya hari ini ialah mereka yang pandai memanfaatkan kelebihan yang ada dengan cara membuka pasaran dan seterusnya masyarakat mereka," katanya.

Clinton tiba di sini malam tadi bagi menghadiri sidang kemuncak tidak rasmi 21 pemimpin negara Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) yang bermula hari ini. Turut hadir, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Russia, Vladimir Putin.

Dalam ucapan Apec terakhirnya di depan lebih 500 CEO terkemuka Asia itu, Clinton bagaimanapun mengakui, pembukaan pasaran semata-mata tidak akan menjamin sesebuah negara akan berjaya menghadapi globalisasi.

"Pasaran terbuka semata-mata tidak dapat menjamin kehidupan baik bagi semua orang kerana kita juga memerlukan jaminan keselamatan sosial kukuh," katanya seperti yang sering disuarakan Malaysia dalam forum antarabangsa sebelum ini.

Dr Mahathir sebelum ini sering menimbulkan isu jaminan keselamatan sebagai antara unsur perlu bagi menjamin manfaat globalisasi dinikmati sama rata oleh negara maju dan membangun.

Clinton bagaimanapun hanya menjadikan jaminan keselamatan sosial itu perkara terakhir dalam ucapannya yang membentangkan empat cabaran utama yang perlu ditangani Apec dalam menyahut cabaran globalisasi dan kehadiran alaf baru.

Sementara itu, Zemin berkata, apa yang perlu ialah globalisasi ekonomi yang menguntungkan semua dengan menampilkan kesaksamaan, kesamarataan dan kewujudan bersama di kalangan semua negara.

Katanya, globalisasi ekonomi menyediakan banyak peluang perniagaan baru, tetapi pada masa sama mencetuskan persaingan keupayaan, perubahan inovasi teknologi, putaran produk yang singkat dan aliran modal cepat.

Beliau berkata, keadaan itu menuntut masyarakat antarabangsa supaya memperkukuhkan penyeliaan secara efektif dan mengawal aliran keluar modal serta merangka peraturan ekonomi dan teknologi antarabangsa yang bersesuaian dengan perubahan pasaran.

Ketika ini, katanya, globalisasi ekonomi yang dimonopoli negara maju mewujudkan jurang perbezaan antara negara dan rantau dalam pelbagai aspek.

"Berikutan itu banyak negara membangun menghadapi bermacam cabaran baru dan kesukaran dalam proses pembangunan sekali gus meluaskan jurang kekayaan antara Utara dan Selatan.

"Keadaan ini tidak membantu kemajuan sihat dalam ekonomi dunia apa lagi keamanan dan kestabilan serantau atau dunia keseluruhannya," katanya.

Zemin yakin Apec sebagai forum serantau terpenting harus dan boleh memainkan peranan utama mencapai matlamat itu dengan bekerjasama ke arah pembangunan bersama semua negara di Utara dan Selatan.

Sambil menyifatkan tema sidang kemuncak CEO Apec 2000 kembali kepada `asas' sebagai topik penting, beliau berharap semua ekonomi Apec mengambil iktibar dan bekerjasama membangunkan ekonomi serantau.

Katanya, walaupun bukan sebuah organisasi rasmi serantau, Apec memainkan peranan penting dalam mengekalkan keterbukaan pasaran dengan menetapkan rangka tindakan serta memperkukuh jalinan kerjasama.

"Apec perlu menyediakan suasana lebih baik kepada masyarakat peniaga di rantau ini bagi membolehkan mereka menjalankan kerjasama teknikal dan ekonomi lebih berkesan.

"Masyarakat peniaga boleh memainkan peranan lebih besar dalam mempromosikan agenda perniagaan seperti perdagangan elektronik (e-dagang) serta kerjasama dan pemindahan teknologi," katanya.

(END)